

\$20j bagi bantu siswazah dan karyawan infokom kekal kerja dalam keadaan gawat

Oleh **LINILIDIA ABDUL HAMID**
lini@sph.com.sg

PENGUASA Pembangunan Infokom (IDA) akan membelanjakan \$20 juta untuk membantu siswazah dan karyawan infokom kekal bekerja dalam keadaan ekonomi muram sekarang.

Dana itu akan digunakan untuk membiaya dua program baru, Program Latihan Kerja dan Latihan Infokom (iTAP) dan Program Pembangunan dan Kepimpinan Infokom (iLEAD).

Sehingga 1,000 siswazah dan karyawan infokom dijangka mendapat manfaat daripada dua program itu sepanjang tempoh dua tahun akan datang.

Ini diumumkan Pemangku Menteri Penerangan, Perhubungan dan Kesenian, Laksamana Pertama (Kerahan) Lui Tuck Yew, dalam ucapannya semasa merasmikan pameran Infocomm Media Business Exchange

(imbX) di Singapore Expo, semalam.

Menurut Laksamana Lui, iTAP menawarkan peluang latihan kerja dalam beberapa bidang berkaitan infokom di syarikat berbilang negara (MNC), syarikat tempatan dan syarikat di tahap penyelidikan dan pembangunan untuk pasaran (start-up).

Di bawah iLEAD pula, IDA akan bekerjasama dengan pihak industri untuk menyediakan sekumpulan karyawan infokom bagi bidang pertumbuhan baru.

Laksamana Lui berkata ini akan dilakukan menerusi program latihan kerja di dalam dan luar negara dan kursus-kursus khusus.

Beliau berkata seperti industri infokom, pengembangan bakat adalah strategi utama untuk membangunkan industri media.

Ini komponen utama Pelan Pergabungan Media Singapura (SMFP).

Pada awal tahun ini diumumkan sebuah program baru yang dipanggil Latihan dan Latihan Kerja Media

(Meta) bagi memberi pendedahan global kepada bakat tempatan dan karyawan media.

Laksamana Lui berkata melalui Meta Penguasa Pembangunan Media (MDA) akan menyokong latihan karyawan dalam bidang penyiaran dan pemasaran kandungan melalui program latihan di Pusat Inovasi Penyiaran (BIC).

Selain itu, syarikat telekomunikasi, SingTel, akan bekerjasama dengan institut pengajian tinggi untuk menyediakan program mentor dan latihan khusus bagi pelajar politeknik.

Program yang diselenggarakan NUS-Digital Hollywood Lab itu akan bermula lewat tahun ini. Di bawah program itu 40 bakat tempatan akan dipadankan dengan studio televisyen dan filem utama di Amerika Syarikat selama enam bulan.

"Ini akan memberi bakat-bakat kita latihan khusus dan teknikal terkini, selain pendedahan kerja berharga," ujar Laksamana Lui.